

Penyeludupan Dadah di Malaysia: Modus Operandi dan Strategi Pencegahan

Muhaymin Hakim Abdullah

¹ Pusat Pengajian Umum dan Ko Kurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, 86400 Johor, MALAYSIA

*Corresponding Author: muhaymin@uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/hsp.2023.03.02.009>

Article Info

Received: 5 November 2023
Accepted: 7 November 2023
Available online: 30 November 2023

Kata Kunci

Dasar Awam, Kriminologi, Modus Operandi, Strategi Pencegahan, Penyeludupan Dadah

Abstrak

Isu penyeludupan dadah dan kes penangkapannya di Malaysia menunjukkan bahawa bilangan kes meningkat pada setiap tahun. Penyeludupan dadah ini menggunakan pelbagai kaedah untuk melepas batas negara dan membawa pelbagai jenis dadah ke Malaysia. Matlamat kajian ini adalah untuk mengenal pasti tindakan pihak berkuasa dalam memerangi penyeludupan dadah di negara ini dan modus operandi utama yang menyumbang kepada peningkatan kes sedemikian. Kajian mendapati bahawa dadah jenis syabu dan sintetik adalah yang paling banyak diseludup ke Malaysia. Penyeludupan ini dilakukan oleh sindiket antarabangsa yang menggunakan kambing hitam dan kurir (courier) sebagai perantara. Melalui meningkatkan kerjasama diplomatik dengan negara lain dan meningkatkan kemudahan pengesanan dadah, agensi penguatkuasa Malaysia telah menunjukkan bahawa mereka sangat komited dalam menangani isu ini.

1. Pengenalan

Data statistik mengenai penagih dadah di Malaysia menjadi amat membimbangkan kerana majoriti daripada mereka adalah generasi muda, dengan 41,080 individu berada dalam lingkungan umur 15 hingga 29 tahun, manakala 40,386 orang lagi adalah lingkungan umur 30 tahun hingga 39 tahun. Selain itu, hasil kajian pada tahun 2022 juga menunjukkan bahawa dalam setiap 100,000 penduduk, terdapat 420 penyalah guna dan penagih dadah, dengan nisbah 1 orang individu penagih dadah untuk setiap 238 orang penduduk [1]. Menurut Agensi Anti Dadah Kebangsaan, dadah ditakrifkan sebagai bahan kimia psikoaktif yang digunakan untuk tujuan bukan perubatan. Seseorang yang menggunakan bahan ini akan mempunyai kebergantungan secara mental dan fizikal yang kekal, selain meningkatkan toleransi mereka. Selain itu, penggunaan bahan ini boleh membahayakan kesihatan diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara [2].

Pengambilan dadah memberikan kesan berbahaya yang dahsyat kepada penagih namun ianya masih ada permintaan walaupun pelbagai program dijalankan oleh agensi kerajaan Malaysia khususnya pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) [3]. Malah dadah jenis syabu menjadikannya pilihan utama penagih sejak lebih 10 tahun lalu. Terdapat peningkatan dalam penggunaan syabu dari tahun 2011 hingga tahun 2016. Seramai 60,000 orang penagih dadah jenis syabu direkodkan pada tahun 2016, manakala seramai 40,000 orang penagih dadah jenis heroin, manakala jenis dadah lain seperti yaba, ekstasi, ketamin, erimin dan ganja adalah seramai 20,000 orang penagih [4]. Rekod pertengahan tahun 2019 pula menunjukkan seramai 19,908 individu ditahan polis atas pelbagai kesalahan yang melibatkan dadah dan daripada jumlah tersebut kebanyakannya trend penagih masih memilih dadah jenis syabu [5]. Dadah tradisional seperti heroin juga masih banyak dijumpai walaupun generasi sekarang lebih meminati dadah sintetik [6].



Bekalan dadah tanpa had di Malaysia boleh didapatkan dengan mudah [4] oleh penagih kerana dadah itu telah dibawa masuk dari segi tiga emas Thailand dan faktor kedudukan geografi negara ini yang berdekatan dengan kawasan segi tiga emas Thailand tersebut [7]. Kedudukan geografi ini telah menyebabkan dadah yang diseludup oleh sindiket diletakkan di Malaysia sebagai hab transit sebelum ia dipasarkan ke pasaran dadah antarabangsa. Dalam konteks integrasi serantau, Asia Tenggara Semenanjung tunduk kepada aktiviti ekonomi yang ketara dan perdagangan rentas sempadan. Soalan yang berkaitan erat adalah mengenai aktiviti rentas sempadan yang melibatkan tindakan di luar undang-undang, seperti perdagangan dadah, hidupan liar, barang terlarang, dan manusia [8]. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti trend jenis dadah yang sering diseludup ke Malaysia, modus operandi yang sering digunakan oleh penyeludup dadah ke Malaysia dan akhir sekali strategi pihak berkuasa dalam mempertingkatkan langkah pencegahan yang efektif dalam menangani aktiviti penyeludupan dadah di negara ini.

2. Penyeludupan Dadah di Malaysia

Ancaman penyeludupan dadah bukan lagi perkara asing di Malaysia. Ia bermula selepas perang dingin berakhir, keselamatan negara telah mengalami peningkatan dari segi ancaman yang berlaku di sepanjang sempadan Malaysia dalam bentuk aktiviti penyeludupan dadah [10]. Permintaan tinggi daripada pengedar dan penagih dadah di negara ini merupakan salah satu faktor yang menyebabkan pengeluar dadah dari luar negara berusaha untuk mencari jalan masuk ke Malaysia secara haram lalu mengancam keselamatan negara [1, 4, 5].

Kekerapan kes penyeludupan dadah yang berlaku di Malaysia sering berlaku terutamanya di sempadan negeri utara seperti Kelantan dan Kedah. Kemasukan dadah yang dibawa oleh sindiket penyeludupan dadah dari Thailand, telah menyebabkan kes penyalahgunaan dadah di negeri tersebut di tahap yang tinggi. Hal ini terjadi kerana kedudukan dua buah negeri itu terletak berdekatan dengan sempadan Thailand. Kes penyeludupan dadah banyak dikaitkan dengan negara seperti Thailand kerana ia terletak di kawasan segi tiga emas Thailand yang pernah terkenal sebagai pengeluar dadah utama dunia dan telah mencuri tumpuan pelbagai sindiket penyeludupan dadah antarabangsa sejak awal tahun 1960 [7].

Penyeludupan dadah oleh warga asing, terutamanya dadah jenis syabu yang mempunyai nilai komersial yang tinggi [1, 4, 5], menjadi isu yang membimbangkan keselamatan Malaysia. Aktiviti penyeludupan dadah ini memberi impak negatif terhadap rakyat Malaysia, di mana statistik menunjukkan jumlah penagih dadah masih tinggi serta kes jenayah yang dilakukan [4, 5]. Sempadan negara yang sedang berkembang dan sistem percukaian yang diperkenalkan turut mempengaruhi senario aktiviti ekonomi dan struktur politik [6]. Penyeludupan dadah ini membahayakan keselamatan negara kerana turut meningkatkan jumlah penagih dadah, kadar jenayah, dan kesan ke atas ekonomi dan struktur politik. Sistem percukaian dan sempadan negara yang berkembang memperparah situasi [7, 9].

Aktiviti seperti penyeludupan dadah akan membawa pelbagai kesan buruk kepada keselamatan negara Malaysia. Keselamatan ekonomi negara juga akan terkesan daripada aktiviti sindiket ini, kerana aktiviti ini akan memberikan keuntungan yang lumayan kepada mereka. Disebabkan itu, aktiviti penggubahan wang haram akan berlaku dan kerajaan Malaysia perlu mengeluarkan banyak modal untuk untuk menangani jenayah-jenayah ini [4, 7, 10]. Sejenis ancaman terhadap keselamatan sosial masyarakat Malaysia ialah aktiviti penyeludupan dadah dari kawasan Segi Tiga Emas [7]. Ia menjelaskan keselamatan sosial masyarakat di negara ini, menyebabkan masalah penyalahgunaan dan ketagihan dadah di kalangan belia dan remaja. Apabila bilangan penagih meningkat maka kadar jenayah seperti mencuri dan merompak juga akan meningkat [5, 6, 10].

Selain itu, penyalahgunaan dadah telah menyebabkan peningkatan jenayah dalam negara, termasuk mencuri, merompak, menyamun dan membunuh, yang dilakukan oleh penagih dadah untuk mendapatkan wang untuk digunakan untuk membeli dadah. Perubahan emosi yang dialami oleh penagih dadah, seperti menjadi cepat marah dan marah, menyumbang kepada masalah kehancuran institusi kekeluargaan, yang akhirnya membawa kepada perceraian rumah tangga. Memandangkan mereka menghabiskan masa mereka dengan penagihan dadah, individu yang menyalahgunakan dadah sering mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap isteri dan anak-anak mereka dengan mengabaikan pembentukan dan penjagaan mereka [9, 10].

Masyarakat global semakin sedar akan bahaya penyeludupan dadah dan telah menubuhkan organisasi untuk menangani dan menghentikannya. Antara agensi ini ialah UNODC (Pejabat Kesatuan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Dadah dan Jenayah), Organisasi Perdagangan Dunia (WCO), Organisasi Polis Antarabangsa (Interpol), dan Jawatankuasa Pengawasan Dadah Antarabangsa (INCB) [11]. Namun, dasar yang telah dibuat telah menghadapi halangan besar apabila jaringan yang kukuh antara sindiket penyeludupan dadah telah berkembang di seluruh negara. Oleh itu, penyeludupan dadah masih tidak berjaya di peringkat antarabangsa. Bagi mengatasi masalah ini dengan lebih berkesan, negara-negara perlu bekerjasama dengan lebih erat dan melakukan usaha yang lebih bersepadau [12]. Dasar Dadah Kebangsaan juga telah diperkenalkan pada tahun 2004 untuk menunjukkan kerajaan Malaysia serius dengan mewujudkan negara yang bebas dadah supaya rakyat hidup dengan aman sejahtera dan mengukuhkan ketahanan nasional [10, 12]. Malah, ulama Malaysia

bersetuju bahawa penyalahgunaan dadah adalah haram dan bahawa masyarakat perlu didekahkan secara meluas tentang isu ini [13].

Kesimpulannya, penyeludupan dadah oleh warga asing ialah sebuah jenayah yang bahaya kepada sesebuah negara. Ia akan memberikan kesan yang buruk kepada generasi baharu yang akan meneruskan permintaan dadah yang semakin meningkat. Usaha yang berterusan perlulah dilakukan oleh kerajaan untuk menghentikan jenayah ini dan memberikan kesedaran kepada masyarakat untuk menjauhi dadah [10, 12]. Oleh itu, untuk memastikan Malaysia masih selamat, aman dan sejahtera, kerajaan, pasukan keselamatan dan masyarakat mesti bekerjasama berganding bahu untuk memerangi penyeludupan dadah dengan memperkasakan institusi keselamatan penguatkuasaan, pendidikan dan kekeluargaan [10]. Selain itu, penglibatan Badan Bukan Kerajaan (NGO) turut dapat membantu mengekang dengan menyokong atau merawat mangsa penagih dadah pulih dan berhenti menjadi penagih agar permintaan bahan larangan tersebut juga berkurangan. Pendekatan keselamatan negara dan keselamatan insan memudahkan mekanisme pencegahan, yang boleh mengurangkan masalah dadah di Malaysia [12, 14].

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah bercirikan kajian exploratori atau memahami fenomena utama berdasarkan pengalaman informan. Menurut Hermawan (2019), kajian kualitatif interaktif adalah kajian yang mendalam dengan pengumpulan data secara langsung dari individu dalam konteks alam semula jadi atau subjek kajian [19]. Manakala kajian kualitatif, juga dikenali sebagai kajian analitikal, melibatkan analisis dokumen sebagai pendekatan utama. Seperti namanya, kajian ini tidak melibatkan pengumpulan data secara interaktif melalui hubungan langsung dengan sumber data manusia.

Oleh demikian, metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah penyelidikan kualitatif jenis bukan interaktif, yang bersifat analitikal dan didasarkan pada analisis dokumen. Kajian ini melibatkan pemeriksaan sumber data media sosial melalui analisis wacana dengan mengeluarkan makna ceramah dan teks di media digital Facebook dan Youtube tanpa interaksi secara langsung.

Tiga sumber media digital yang dipilih berkaitan dengan tajuk kajian melibatkan siri wacana temu bual bersama pegawai utama pihak berkuasa yang terlibat dan pernah terlibat secara langsung dalam urusan membanteras penyeludupan dadah di negara ini. Sumber media digital pertama diambil dari Facebook rasmi Polis Diraja Malaysia (PDRM) berjudul "Bicara Dadah: Asiseno Despacito" terbitan Station Radio Sabah FM pada 24 Januari 2020. Media berdurasi selama 33 minit 9 saat ini merupakan sesi temu bual bersama YDH CP Dato' Mohd Khalil Kader Mohd (IF1), mantan Pengarah Jabatan Siasatan Narkotik (JSJN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bukit Aman, Kuala Lumpur.

Media digital kedua dan ketiga diambil dari YouTube Channel MalaysiaGazzetteTV. Media kedua berjudul "Untung Berbilllion... Hati dan Mata Jadi Gelap Dek Dadah" terbitan MalaysiaGazette TV pada 10 Jun 2022. Media digital ini berdurasi selama 19 minit 21 saat merupakan sesi temu bual eksklusif bersama Pengarah JSJN, PDRM Bukit Aman, Kuala Lumpur, YDH CP Dato' Ayob Khan Mydin Pitchay (IF2). Media digital ketiga berdurasi selama 49 minit 8 saat berjudul "Masyarakat Kena Faham, Jangan Asyik-Asyik Salahkan Polis!" turut merupakan wacana temu bual eksklusif bersama YDH CP Dato' Ayob Khan Mydin Pitchay (IF2), JSJN, PDRM Bukit Aman.

4. Hasil dan Analisis Kajian

Analisis tematik adalah kaedah penyelidikan yang digunakan untuk mengenal pasti dan menganalisis tema-tema utama yang muncul dalam kajian. Dalam konteks kajian mengenai penyeludupan dadah di Malaysia, analisis tematik membantu mengidentifikasi dan memahami tema-tema utama yang berkaitan dengan isu ini. Analisis tematik ini membantu untuk mengidentifikasi isu-isu utama dalam kajian dan merangkumkan aspek-aspek penting yang berkaitan dengan penyeludupan dadah oleh warga asing ke Malaysia. Ia memberikan kerangka untuk memahami dan merangkumkan tematik-tematik yang muncul dalam kajian ini.

4.1 Sub Tema I: Trend Penggunaan Dadah di Malaysia

Subtema ini membincangkan bagaimana trend dadah di Malaysia berubah dan berkembang, dan menekankan betapa pentingnya merangka strategi dan tindakan yang sesuai untuk memerangi penggunaan dadah di negara ini. Tema ini memberikan perspektif tentang isu dan prospek dadah Malaysia. Analisis juga memasukkan perkara seperti kekurangan pengawasan sempadan dan permintaan tinggi pasaran dadah Malaysia. Selain itu, lokasi geografi Malaysia berdekatan dengan kawasan segi tiga emas Thailand, yang bertanggungjawab terhadap penyeludupan dadah, menjadikannya tempat transit dadah sebelum ia sampai ke pasaran antarabangsa.

4.2 Sub Tema II: Modus Operandi Penyeludupan Dadah

Subtema ini melihat kepada kaedah yang digunakan sindiket penyeludup dadah untuk mengelakkan penangkapan dan membawa dadah ke Malaysia. Penerangan mendalam mengenai taktik yang digunakan oleh sindiket penyeludupan dadah ini termasuk banyak perkara. Kajian ini meningkatkan pemahaman kita tentang halangan dan taktik yang digunakan oleh penyeludup dadah, dan ia juga menunjukkan betapa pentingnya tindakan pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang yang lebih berkesan untuk memerangi penyeludupan dadah di Malaysia. Tema ini penting dalam usaha menyokong mengurangkan kesan buruk dadah dalam masyarakat.

4.3 Sub Tema III : Strategi Pihak Berkuasa

Sub tema ini menganalisis kaedah yang digunakan oleh pihak berkuasa Malaysia untuk memerangi dadah. Ini terdiri daripada banyak perkara, seperti penguatkuasaan undang-undang, kerjasama antarabangsa, program pemulihan, dan tindakan kesedaran masyarakat. Subtema ini memberikan gambaran menyeluruh tentang cara pihak berkuasa menangani isu dadah. Ia menunjukkan betapa pentingnya kerjasama antarabangsa, penguatkuasaan undang-undang, pemulihan, dan pendidikan untuk mencapai matlamat mengurangkan kesan dadah di Malaysia. Tema ini adalah penting dalam kaedah pencegahan dan pemulihan dadah serta dalam usaha untuk mewujudkan masyarakat bebas dadah.

Jadual 1 Analisis Media Digital Pertama

Durasi	Traskrip	Sub Tema
3.10-3.48	Kita memperkenalkan strategi 5M, strategi 5M ini dia mengariskan tentang... <i>when we talk about</i> dadah dia ade 2 isu di sini, pertama berkaitan dengan <i>supply</i> dan kedua berkaitan dengan <i>demand</i> . <i>Supply</i> ini apabila mereka bawak masuk dadah ini dari segi <i>trafficking</i> , jalan laut ke darat dan sebagainya kita perlu hapuskan laluan ini supaya pembekalan dadah ini tidak masuk, itu adalah strategi yang pertama. Kita kena sekat dadah ini kepada kumpulan yang <i>demand</i> .	I, II, III
4.50-5.59	Dalam 3 suku tahun akhir 2019, <i>the last quarter of 2019</i> bagi saya kita telah berjaya dari segi pengurusan untuk mengurangkan <i>supply</i> dadah ini. Satu faktor yang saya kata di sini kita berjaya kerana kita telah meningkatkan rampasan. Jadi jumlah rampasan jika saya imbas balik kes yang pertama yang kita berjaya rampas ialah apabila dadah kokain di bawa masuk dan juga kita dapat berjaya rampas di Pulau Pinang. Hasil dari rampasan tersebut kita dapat bahawa banyak dadah-dadah yang sebenarnya dibawa masuk ke Malaysia dan mereka jadikan kita ini stokis. Dadah ini dia bergantung pada <i>business strategy</i> sebab dia ada pasarananya, di Indonesia harganya lain, di New Zealand harganya lain lebih mahal daripada sini. Jadi bila sampai Malaysia dijadikan <i>transit point</i> .	II, III
6.22-7.11	Kita punya fokus pada Sabah, kita ada dua <i>border</i> di sini satu ialah kemasukan daripada semenanjung sendiri <i>by airport</i> dan kedua lagi keluar dia ke kawasan negara jiran di Kalimantan <i>border</i> . So tekanan yang ada di Sabah ialah penyeludupan mengikut ruang udara dan sebagainya dan menggunakan <i>parcel</i> . Jadi baru-baru ini kita ada satu tempat, kita dapat mereka dah siapkan pek dadah tadi untuk gunakan <i>courier service</i> (perkhidmatan kurir). <i>Courier service is another challenge</i> kepada Jabatan Narkotik dan kadang-kadang dia gunakan orang sebagai <i>drug mules</i> atau keldai dadah.	I, II

7.13-7.35	Sekarang ini kita bersyukur kerana di KLIA sekarang dari segi <i>scanner machine</i> itu <i>miliwave body scanner</i> telah diguna pakai, itu adalah satu impak yang baik. Hasil daripada itu untuk 3 bulan yang pertama kita dah berjaya menangkap 19 orang yang cuba keluar sebagai keldai dadah.	III
-----------	---	-----

Durasi	Traskrip	Sub Tema
19.53-20.39	Dadah ini pula dia ada evolusinya dulu daripada ganja beserta bahan tanaman, sekarang dah masuk bab sintetik. <i>Evolution</i> dalam sintetik pun hebat, jadi baru-baru ini kita telah jumpa new psychoactive substance (NPS) yang terbaru kita tengok baru ini kita jumpa akhir bulan Disember itu hari ialah ada 3 jenis dadah nombor satu kita namakan ia <i>Mushroom</i> , nombor dua <i>McDonald</i> , dan nombor tiga <i>Molly</i> . Jadi ini semua macam <i>McDonald</i> tu bukan makanan <i>McDonald</i> eh, <i>drugs</i> ni dia ada campuran ketamin, heroin, syabu. Jadi sekarang ini market yang paling hebat di malaysia ialah dadah syabu termasuk juga di Sabah.	II
20.51-21.41	Untuk menangani dadah NPS ini, kita perlukan kekuatan <i>international networking</i> sebab kita perlu dapatkan maklumat sebelum dadah itu masuk ke negara. Ekoran pada itu strategi ketiga kami ialah tu <i>establish very strong networking</i> , jadi sebelum ini platform kami ialah kita hadir ke luar negara sebagai <i>passenger but i don't want that anymore</i> kita nak main <i>player</i> sekarang so In Shaa Allah kita pun dah <i>put up paper</i> , kita nak buat <i>international conference</i> di Malaysia dan jika diluluskan bajet dan sebagainya so <i>networking</i> kita akan menjadi kukuh. Kita nak <i>fortified</i> Malaysia ini secara zahirnya sempadan Malaysia ini jadi apa saja yang nak masuk sempadan Malaysia ini maklumat dah sampai terlebih dulu sebelum ianya mendarat di daratan Malaysia. Itu kita punya <i>target</i> .	III
24.19-25.00	Satu lagi cabaran apabila kita dapat A+ punya produk sindiket pulak, dah dapat A++, dia dah <i>advance</i> daripada kita. Contohnya macam kokain baru-baru ini sampai anjing kita tidak dapat nak kesan oleh anjing pengesan dadah, kita punya bahagian kimia pun pada mulanya menghadapi masalah, akhirnya Jabatan Kimia dapat membantu kita untuk kesan dan <i>confirm</i> kan benda itu adalah kokain. Jadi saya amat berterima kasih kepada Jabatan Kimia, itu sebab kerjasama kita dengan pihak Jabatan Kimia, hospital <i>must be very very strong at the superb level</i> .	II, III

IF1 membincangkan langkah-langkah yang diambil PDRM untuk memerangi penyeludupan dadah di Malaysia. Selain itu, IF1 turut memberikan penjelasan tentang kaedah biasa yang digunakan oleh penyeludup dari negara lain untuk menyeludupkan dadah melalui sempadan Malaysia. Temu bual ekslusif ini turut memberikan gambaran tentang tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa dan isu penyeludupan dadah di Malaysia, khususnya di wilayah Sabah. IF1 juga menitikberatkan tentang keperluan meningkatkan kerjasama antarabangsa dan mewujudkan keupayaan *intelligent* yang lebih baik bagi mengukuhkan lagi usaha pihak berkuasa Malaysia dalam memerangi penyeludupan dadah. IF1 membincangkan tentang betapa pentingnya pemantauan dan penguatkuasaan di kawasan yang dianggap sebagai laluan penyeludupan dadah utama, termasuk Sabah, yang menghadapi banyak masalah. Temu bual ini menyoroti komitmen Malaysia dalam memerangi penyeludupan dadah dan menyediakan pemahaman mendalam tentang strategi yang digunakan untuk menghadapi cabaran tersebut.

Jadual 2 Analisis Media Digital Kedua

Durasi	Traskrip	Sub Tema
1.40-2.16	Secara peribadi saya rasa undang-undang ini perlu dikekalkan. Macam yang saya katakan tadi bila ada pindaan 15 Mac 2018, kuasa hakim adalah untuk menentukan sama ada dia nak kenakan hukuman gantung ke, atau nak bagi hukuman penjara seumur hidup, antara dua itu hakim yang akan buat keputusan. Biarlah kekal undang-undang itu, biarlah ini menjadi satu aspek yang memberi ketakutan untuk orang membuat kesalahan di Malaysia.	III
3.50-4.13	Walaupun kita tangkap ni akan ada lagi, memang akan ada lagi. Saya tak kata semestinya tangkap habis, dadah ini tidak akan habis. Akan ada lagi barisan-barisan pelapis yang akan mengambil alih. Kita tangkap sindiket ini kita letakkan dalam penjara akan ada orang akan mengambil alih sebab rangkaian itu dah ada satu dunia bukan sahaja untuk Malaysia.	II
4.25-4.44	Selagi tidak mengambil tindakan untuk mengenal pasti yang betul-betul atas, untuk kita betul-betul tangkap anggota sindiket ini dan kita sita aset-aset orang bawah, jumlah ini memang mereka akan terus berterusan.	III
4.58-5.16	Laporan UNODC yang saya katakan tadi yang keluar pada beberapa hari lepas. Ada 1 billion pil Meth yang dikeluar dan diedarkan di asia tenggara. Bukannya di rantau timur tengah tetapi di rantau ini.	I
5.20-5.55	Apa yang kita wajib buat adalah meneruskan operasi kita, dan kita mengurangkan, kenal pasti dan kurang itu saja kita tidak boleh berhenti dan pada masa yang sama kita tidak boleh memberi kelonggaran. Kita jangan ambil tindakan untuk melonggarkan undang-undang yang ada, macam tadi, cadangan untuk hapuskan hukuman gantung. Bagi saya itu kita kebelakang, bukan kita kedepan, kita menghadapi masalah ni yang masih lagi <i>serious</i> kita nak kendurkan lagi tindakan penguatkuasaan, tindakan undang-undang.	III
14.50-15.20	Kalau tanya saya akta ini sudah cukup, cuma penguatkuasaan dan pelaksanaannya perlu ada pindaan seperti yang saya katakan tadi kalau heroin setakat ini 15 gram dia akan hukum gantung, syabu ekstasi 50 gram. Kita ada buat cadangan syabu, ekstasi pun kita nak kurangkan 15 gram, gantung juga tetapi benda itu masih dalam proses pindaan.	III
15.30-16.17	Untuk tahun lepas 1 bilion pil ekstasi untuk <i>South East Asia</i> , jadi sekarang ini syabu yang banyak digunakan itu, kita nak kurangkan lagi, benda-benda ini perlu dipinda seperti Akta Dadah berbahaya 1952. Bayangkan 1952 saya pun belum ada lagi. Kita kena kaji, ubah, pinda, mengikut kesesuaian masa kini. Kalau kita tak pinda, undang-undang itu akan jadi tidak relevan lagi, seperti dulu, chandu selepas itu ganja, lepas tu datang la yang NPS ni yang sintetik syabu, meth, ecstasy dan pil kuda apa semua jadi kita kena ubah la.	I, III

IF2 membincangkan dan menganalisis pelbagai modus operandi yang digunakan dalam penyeludupan dadah dalam temubual ekslusif ini. Modus operandi ini termasuk strategi dan taktik yang paling kerap digunakan oleh penyeludup dadah, terutamanya mereka yang berasal dari negara lain. Selain itu, media ini membincangkan cara

PDRM menangani penyeludupan dadah di Malaysia. Ia adalah mungkin bagi mendapatkan pemahaman lebih mendalam tentang isu penyeludupan dadah dan tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa melalui maklumat yang disampaikan dalam video ini. Ini juga mendorong pihak berkuasa dan masyarakat untuk bekerjasama dalam menangani isu ini. IF2 juga menyentuh tentang kesedaran tentang risiko dadah dan langkah-langkah yang diambil oleh PDRM dan beberapa agensi penguatkuasa di Malaysia untuk melindungi masyarakat daripada ancaman ini.

Jadual 3 Analisis Media Digital Ketiga

Durasi	Perkara	Sub Tema
4.00-4.45	Kita lihat aspek kita menjalankan siasatan, operasi sebagainya sebab operasi-operasi berkaitan dengan dadah ni kalau kita tidak ada <i>intelligence</i> , kita tiada maklumat risikan memang tidak ada kejayaan di situlah asas pada kejayaan siasatan jenayah narkotik ini. Kalau kita tiada sumber atau <i>live sources</i> kita tidak akan dapat menghidu, memantau, mengambil tindakan terhadap elemen-elemen sindiket pengedaran dadah ini lah. Disitulah kita lihat perlunya pendekatan dan perlu memantapkan lagi kaedah-kaedah perisikan kita termasuklah dengan peralatan yang kita ada.	III
7.00-7.30	Kalau kita tengok statistik rampasan tahun 2021, syabu meningkat rampasannya kepada 127% iaitu 8.2 tan pada tahun lepas. Begitu juga dengan bahan-bahan kimia yang digunakan dekat 8 tan yang kita rampas. Ganja jatuh sikit, erimin 2 tan, heroin meningkat pada 133% iaitu 2 tan dan banyak lagi.	I, III
8.45-9.40	Malaysia ni kita terletak di tengah-tengah transit, tempat kalau dekat atas tu dia dah <i>golden triangle</i> lah Laos, Myanmar dan juga Thailand. Jadi dadah itu masuk ke sini sama ada untuk kegunaan tempatan tapi kebanyakannya diseludup keluar sama ada ke Indonesia dan sebagainya. Kalau kita tengok salah satu sebab lagi kenapa Malaysia ini betul-betul menjadi transit ini contohnya nilai lah. Contohnya, syabu di Malaysia 1kg RM 36K tapi kalau dapat diseludup keluar ke <i>Singapore</i> mereka dapat jual RM 64K 1kg kalau pergi ke Taiwan akan jadi RM 100K 1kg manakala ke Australia RM 300K 1kg.	I, II
12.25-13.00	Dadah juga sekarang ini kalau kita tengok sudah ada <i>trend</i> banyak menggunakan sosial media kalau dalam ni <i>dark web</i> sama ada untuk rekrut orang untuk mengatur operasi penyeludupan sebagainya. Jadi, ini juga kita sedang berkolaborasi rapat dengan pihak SKMM (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia) sebab ini semua terletak bawah SKMM untuk kita memantau atau kita menyekat sosial media yang berhubung dengan isu penyeludupan dadah.	II, III

Durasi	Perkara	Sub Tema
13.00-13.52	Kita juga telah merintis kita punya kerjasama dengan syarikat-syarikat kurir (<i>courier</i>). Banyak juga dadah-dadah yang kita rampas di Sarawak, di Sabah dia menggunakan kurir. Gunakan sama ada penerbangan Mas, Airasia sebagainya mereka menyeludup dadah. Minggu lepas pon ada tangkapan rampasan di Tawau sebagainya di KK (Kota Kinabalu). Kita perlu faham bahawa syarikat kurir di Malaysia dia ada banyak selain Pos Malaysia ni ada 121 syarikat yang terlibat dalam kurir ni	II, III
14.00-14.48	Banyak kes yang kita dapat tangkap contohnya kita dapat tangkap di KK dia gunakan pesawat tapi alamat yang dia bagi ni alamat yang tidak wujud yang palsu. Sepatutnya menjadi tanggungjawab syarikat kurir ni memastikan siapa-siapa yang membuat penghantaran sebagainya memberikan alamat lengkap IC (nombor kad pengenalan), nombor telefon sebagainya tetapi itu tidak dibuat. Kalau pejabat Pos <i>okay</i> , tetapi yang 121 syarikat kurir ni menjadi masaalah pada kita. Sebab itu saya kata kena ada kolaborasi yang mantap mungkin undang-undang ada dan akta pos pon ada tetapi penguatkuasaan dia amat kurang.	II, III
18.25-19.19	Kadang-kadang dadah diletakkan di dalam perabot dia buat <i>compartment</i> yang <i>special</i> itu disembunyikan macam-macam dia buat, pelbagai kaedah untuk mengelirukan <i>scanner</i> dan orang yang menjaga <i>scanner</i> . Jadi kalau tidak ada <i>intelligence</i> memang kita tidak akan dapat. Kecualilah kalau barang itu kita periksa dengan teliti. Kadang-kadang sindikit-sindiket ini dia orang pun pandai. Dia orang hantar barang masuk itu <i>last minute</i> untuk 2 jam pesawat nak berlepas, baru nak hantar, jadi mungkin waktu itu ada kelang-kabut sedikit jadi kita periksa sepintas lalu sahaja itulah taktik-taktik yang digunakan.	II, III
21.00-22.00	Sindikit-sindiket dadah ini mereka selalu mengubah modus operandi dia. Dia akan tengok apakah pendekatan yang terbaru yang digunakan Jabatan Kastam ke, narkotik ke, APMM ke mereka akan ubah. Diaorang buat sekatan dekat sini, dia orang tak buat sekatan dekat sini, atau dia orang dah periksa lori sayur, dia orang tak periksa lori buah. Dia orang mengkaji dan dia orang pun ada banyak pemberi maklumat yang memberi matlumat pada diaorang la jadi MO (modus operandi) dia orang sentiasa berubah. Bagaimana dia orang mencampurkan dadah tu dalam <i>vape</i> jadi orang jadi ketagih. Diaorang akan cari kaedah baru pendekatan baru modus operandi dia orang akan sentiasa berubah-ubah sebab itu kita pun PDRM pun perlu mengkaji pendekatan yang digunakan.	II
25.55-26.20	Mereka menggunakan <i>bitcoin</i> dan <i>cryptocurrency</i> , mana ada transaksi pakai yang ada <i>money trail</i> jarang-jarang. Selepas itu, mereka menggunakan media sosial untuk rekrut atau untuk mengatur strategi untuk mengedar dadah.	II

Durasi	Perkara	Sub Tema
30.54-31.40	Saya tekankan bahawa saya nak tangkap tokan-tokan besar dan itu kita buat OPS (operasi) Tapis tu. Ops Tapis ni pun bukan kita pergi tangkap, tiada. Kita memang dah ada kenal pasti siapa tokan-tokan tu dah arahkan semua negeri Ketua Siasatan Narkotik untuk kenal pasti. Kita pergi tangkap yang kita dah kenal pasti ni. Saya tak nak tangkap penagih dadah bukan tak tangkap yang hardcore kami tangkap tapi yang paling penting tokan. Dari bulan Januari ke bulan April tokan dadah yang kita tangkap 1 Malaysia 2100 orang dalam masa 4 bulan.	III
31.45-33.21	Kita mengambil tindakan ke atas ketua sindiket. Masyarakat perlu faham bahawa elemen dalam konteks penyiasatan kes dadah ni akan ada tiga elemen ini <i>control, custody, knowledge</i> . Kalau tiada ketiganya ini memang kita tidak boleh tuduh. Jadi yang di atas dia orang memang pandai dia tahu dan tangan-tangan diaorang takkan terlibat so dia orang memberi arahan pun tak secara <i>direct</i> dia akan mempunyai banyak <i>layer</i> selepas itu dia orang di atas terlepas, dan dia orang ini memang banyak sumber-sumber kewangan dia. Duit-duit yang dilaburkan dan di <i>money laundry</i> pengubahan wang haram, labur dalam syarikat, labur dalam <i>business</i> beli kenderaan mewah. Memang kita sedia maklum tapi untuk menangkap dia orang ni perlu satu siasatan yang terperinci sebab itu saya tekankan dalam konteks dadah sama macam gangster bukan seorang terlibat tetapi ia adalah sindikit. Kita perlu menggunakan pendekatan lain selain Akta Dadah Berbahaya (ADB). Saya lebih cenderung untuk menggunakan siasatan kesalahan jenayah terancang tetapi kita menggunakan prosedur SOSMA (Akta Kesalahan Keselamatan).	III

Dalam media ketiga ini IF2 memberikan penjelasan tentang realiti yang dihadapi oleh PDRM dalam memerangi dadah serta menggalakkan kesedaran bahawa usaha ini adalah tanggungjawab bersama. Melalui media ini, pengkaji dapat memahami dengan lebih mendalam tantangan dan usaha yang dilakukan oleh PDRM untuk menjaga keselamatan masyarakat daripada ancaman dadah. Ini juga adalah satu cara untuk mempromosikan kerjasama antara pihak berkuasa dan masyarakat dalam menangani isu dadah secara efektif. IF2 turut menjelaskan bagaimana modus operandi jerung dadah semakin kompleks dan sukar untuk dikesan oleh pihak berkuasa serta memberi gambaran tentang pengalaman dan tindakan yang telah diambil oleh PDRM dalam membanteras sindiket dadah di Malaysia. Dalam banyak kes, masyarakat mungkin mudah menyalahkan polis dalam menangani isu dadah tanpa memahami cabaran dan kerumitan yang dihadapi oleh pihak berkuasa. Media ini bertujuan untuk memperbaiki pemahaman masyarakat tentang usaha yang telah dilakukan oleh PDRM serta memotivasi masyarakat untuk terlibat secara aktif dalam usaha pencegahan dan membanterasan dadah.

Sumber ketiga-tiga media digital ini adalah alat yang penting dalam menyebarkan maklumat dan pendidikan tentang isu dadah dan upaya PDRM dalam menangani isu ini. Ia juga memainkan peranan dalam meningkatkan kesedaran dan pemahaman masyarakat tentang isu keselamatan ini. Kajian dan liputan media ini dapat membantu pengkaji, penyelidik, dan orang awam yang berminat dengan isu dadah dan keselamatan Malaysia. Bagi mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang usaha pihak berkuasa untuk mengurangkan penyeludupan dadah dan kesan ke atas keselamatan negara, sumber media digital ini boleh digunakan sebagai rujukan.

5. Perbincangan Kajian

Perubahan dalam trend penggunaan dadah sepanjang masa dibincangkan dengan membandingkan trend penggunaan dadah di pelbagai negara juga diberikan selain menyentuh tentang apakah serta bagaimanakah menyelesaikan cabaran yang dihadapi dan kaedah dalam memerangi isu dadah di negara ini. Perbincangan kajian ini bersandarkan kepada tema yang ditetapkan sebelum ini dengan membincangkan trend, modus

operandi, dan wawasan yang lebih baik mengenai isu ini serta mencadangkan cara yang lebih berkesan untuk mengatasi masalah dadah di Malaysia.

5.1 Trend Penggunaan Dadah di Malaysia

5.1.1 Syabu dan New Psychoactive Substances (NPS)

Perbandingan dengan tahun 2020 menunjukkan perubahan dalam trend penggunaan dadah. Jumlah pil ekstasi yang dijual di Asia Tenggara mencapai 1 bilion pada tahun 2020, tetapi pada tahun berikutnya, syabu menjadi dadah yang lebih mendominasi. Pada masa kini, di Malaysia, syabu adalah dadah yang paling popular. Statistik rampasan pada tahun 2021 menunjukkan rampasan dadah jenis syabu meningkat [9] sebanyak 127% iaitu sebanyak 8.2 tan, dan rampasan bahan kimia yang digunakan untuk membuat dadah juga meningkat sebanyak 8 tan. Selain itu, dadah sintetik baru yang dikenali sebagai New Psychoactive Substances (NPS) telah muncul ia terdiri daripada tiga jenis, mushroom, mcdonald dan molly yang terdiri daripada campuran ketamin, heroin dan syabu.

Terdapat 1 bilion pil syabu atau metamfetamina hydrochloride, telah dikeluarkan dan diedarkan di Asia Tenggara, data yang dikeluarkan UNODC (United Nations Office on Drugs and Crime). Penagih sering memilih dadah sintetik seperti syabu dan ketamin sebagai pilihan mereka, yang menjadikan pemulihan mereka lebih sukar dan sering kali tidak berjaya. Pengguna yang mengambil dadah sintetik mengalami halusinasi dan gangguan mental, yang boleh mendorong penagihnya untuk melakukan jenayah. Kesan-kesan tersebut boleh mendorong penagih dadah kepada perilaku-perilaku yang merbahaya, termasuk peningkatan kecenderungan mereka untuk terlibat dalam aktiviti jenayah. Khususnya, individu yang menggunakan dadah sintetik ini mungkin mengalami kehilangan kawalan dan kebijaksanaan, yang meningkatkan kemungkinan mereka melakukan jenayah dan tindakan yang boleh menjelaskan masyarakat dan diri mereka sendiri.

Trend dadah adalah fenomena global yang mempengaruhi berbagai negara di seluruh dunia, tidak terkecuali Malaysia. Contoh dari Eropah dan Amerika Syarikat menunjukkan bahawa masalah dadah adalah masalah serius yang tidak mengenal sempadan. Di Eropah, dadah seperti ketamin dan kokain terus menjadi perhatian utama. Penggunaan ketamin di kalangan kelompok tertentu berkait rapat dengan kejadian ketagihan yang mengkhawatirkan. Selain itu, penggunaan ekstasi masih berlaku secara meluas dalam kalangan masyarakat yang menghadiri festival dan kelab malam di Eropah [16,17].

Di Amerika Syarikat (AS), beberapa negeri telah menghalalkan penggunaan ekstasi dan perubatan marijuana, yang telah membuka pintu kepada pengkomersilan dadah ini dan menyebabkan peningkatan penggunaan secara meluas. Negara ini juga sedang berdepan dengan krisis opioid yang serius, di mana penggunaan dadah opioid seperti heroin dan fentanyl telah mencapai tahap yang membimbangkan, serta menyebabkan peningkatan drastik dalam kes terlebih dos dadah. Sementara itu, Amerika Selatan tetap menjadi pusat utama pengeluaran kokain, dengan peningkatan pengeluaran dadah sintetik seperti metamfetamina di beberapa negara di rantau tersebut. Keadaan ini menggariskan peranan penting yang dimainkan oleh rantau Amerika Selatan dalam rangkaian pengeluaran dan pengedaran dadah global [16,17,18].

Oleh itu, trend dadah yang serupa di banyak tempat menunjukkan bahawa kerjasama global diperlukan untuk memerangi pengedaran dadah dan kesan buruknya terhadap masyarakat. Faktor-faktor seperti perubahan dalam undang-undang dadah, trend penggunaan, dan pengeluaran dadah tertentu perlu dipertimbangkan dalam upaya pencegahan dan pemulihan.

5.2 Modus Operandi Penyeludupan Dadah

Penyeludupan dadah ini dapat dianggap sebagai tindakan tersusun yang dilakukan oleh sindiket yang beroperasi secara berkumpulan. Malaysia sering difungsikan sebagai negara transit sebelum diseludup keluar ke negara Filipina dan Indonesia. Hal ini amat menguntungkan penyeludup, kerana nilai jualan dadah meningkat hampir tiga kali jika dadah dapat diseludupkan keluar dari Malaysia. Modus operandi terbaru mereka melibatkan penggunaan media sosial sebagai alat untuk merekrut individu baharu dan mengoordinasikan operasi penyeludupan.

5.2.1 Perkhidmatan Kurir (courier)

Mereka juga berhati-hati menggunakan perkhidmatan kurir untuk menyeludup dadah di kawasan Sabah dan Sarawak. Mereka menghantar bungkus yang mengandungi alamat dan data palsu untuk menyembunyikan identiti mereka, seperti yang ditunjukkan dalam beberapa tangkapan.

5.2.2 Penggunaan Mata Wang Elektronik

Semasa transaksi pembelian dan penjualan, mata wang elektronik juga digunakan, menjadikannya lebih sukar untuk mengesan dan menyembunyikan kesan transaksi pembelian. Kaedah transaksi ini termasuk penggunaan mata wang elektronik seperti Bitcoin untuk mengelakkan pengesanan melalui jejak wang.

5.2.3 Menyembunyikan Dengan Barang Lain

Terdapat juga kes di mana dadah disembunyikan di dalam trak sayuran atau perabot untuk mengelirukan peralatan pengesanan dan pihak berkuasa. Strategi yang dibangunkan Jabatan Kastam Malaysia (KASTAM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dari semasa ke semasa telah menyebabkan modus operandi ini sentiasa berubah. Selain Asia Tenggara, mekanisme penyeludupan dadah di negara lain juga berbeza mengikut lokasi dan geografi. Di AS, penyeludupan dadah berlaku melalui perbatasan Mexico, AS merupakan pengeluar utama dadah seperti kokain, methamphetamine, dan heroin. Penggunaan kenderaan yang membawa dadah, penyusupan melalui sempadan, dan penggunaan terowongan bawah tanah adalah semua contoh penyeludupan dadah. Amerika Selatan, sebaliknya, adalah pengeluar utama kokain. Negara-negara seperti Columbia dan Peru adalah antara pengeluar ini. Penyeludupan dadah di wilayah ini melibatkan penggunaan pesawat kecil, kapal nelayan, dan rangkaian penyusupan sempadan yang meluas.

Di Eropah, penyeludupan dadah boleh melibatkan penghantaran dadah melalui pelabuhan laut, lapangan terbang antarabangsa, dan rangkaian pengangkutan darat. Sindiket dadah mungkin menyembunyikan dadah di dalam kargo yang sah atau dalam kenderaan peribadi. Beberapa kawasan di Timur Tengah, terutamanya Afghanistan, menghasilkan heroin dan opium. Selalunya, penyeludupan dadah di wilayah ini melibatkan penggunaan jalan darat melalui pelbagai negara menuju permintaannya di Eropah dan Amerika Syarikat. Dengan cara yang sama, Afrika yang berfungsi sebagai lokasi transit penting untuk pengeluar dadah di Asia dan Amerika Selatan yang ingin mencapai pasaran Eropah. Penggunaan pelabuhan laut, sempadan, dan rangkaian pengangkutan darat adalah semua komponen penyeludupan ini.

Sistem penyeludupan dadah adalah dinamik dan senantiasa berubah-ubah. Apabila undang-undang atau peraturan berubah, teknologi berkembang, dan usaha penegakan undang-undang, modus operandi penyeludupan dadah ini turut akan berubah. Bagi menangani ancaman penyeludupan dadah di seluruh dunia, kerjasama antarabangsa yang kukuh antara negara, agensi penegakan undang-undang, dan pertubuhan antarabangsa seperti Interpol adalah penting.

5.3 Strategi Pihak Berkuasa

5.3.1 Kerjasama Dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

Jabatan Siasatan Narkotik PDRM telah bekerjasama dengan SKMM untuk membentuk satu pasukan khas bagi mengesan dan merungkai jenayah siber yang berkaitan dengan penyeludupan dan pengedaran dadah melalui internet. Tujuan kerjasama ini adalah untuk menangani isu penyeludupan dadah melalui penggunaan platform digital dan kurir (courier). Melalui kerjasama ini, SKMM boleh proaktif menghentikan penggunaan media sosial yang berkaitan dengan penyeludupan dadah.

5.3.2 Kerjasama Dengan Syarikat Kurir

Selain itu, adalah mungkin untuk meningkatkan kerjasama dengan syarikat kurir untuk memastikan pengirim memberikan butiran peribadi yang lengkap, seperti alamat, nombor kad pengenalan dan nombor telefon, sebelum penghantaran selesai untuk meningkatkan keselamatan dan kesan pengesanan terhadap penyeludupan dadah, ini dilakukan.

5.3.3 Menaiktaraf dan Penambahan Peralatan Pengesan

Bagi menghalang penyeludupan dadah ke Malaysia, peningkatan peralatan pengesan adalah penting. Sebagai contoh, penggunaan peralatan moden seperti pengimbasan badan millwave di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) menunjukkan hasil positif. Alat ini telah menangkap 19 orang dalam tiga bulan pertama sejak penggunaannya. Hal ini menunjukkan bahawa teknologi yang canggih dalam peralatan pengesan boleh membuat pilihan yang baik dan berkesan. Oleh kerana itu satu langkah cadangan yang sangat penting ialah, kerajaan pusat menyediakan dana tambahan kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia untuk meningkatkan

peralatan pengesanan dadah dalam perdagangan antarabangsa dan domestik. Ini disebabkan oleh fakta bahawa pelaburan dalam sistem pengesanan adalah penting untuk memastikan keselamatan negara dan meningkatkan keberkesanannya usaha memerangi penyeludupan dadah.

5.3.4 Kerjasama Jabatan Kimia

Selain itu, prosedur mengenal pasti dadah juga diperbaharui dan ditingkatkan dengan kerjasama Jabatan Kimia supaya keputusan pengesanan boleh dibuat dengan cepat. Ini kerana bahan kimia dadah sering mengalami perubahan yang tidak dapat dikesan oleh pihak berkuasa, walaupun dengan bantuan Unit Anjing Pengesan. Contohnya, dadah yang dikenali sebagai New Psychoactive Substances (NPS) sedang berkembang menjadi jenis baharu kerana mempunyai bahan yang berbeza. Jabatan Kimia terus berkembang untuk mengenal pasti dan menguji bahan kimia baharu untuk memudahkan pihak berkuasa mengambil tindakan sewajarnya dengan lebih cepat. Ini adalah penting dalam memerangi penyeludupan dadah yang semakin berkembang dan kompleks.

5.3.5 Kekalkan Hukuman Berat Sedia Ada

Dalam memerangi jenayah dadah, hukuman gantung kepada pengedar dadah adalah penting kerana ia menanamkan ketakutan dalam pesalah. Hukuman berat seperti hukuman gantung boleh berfungsi sebagai mekanisme pencegahan dan menunjukkan bahawa masyarakat dan negara sangat mengambil berat tentang memerangi peredaran dadah. Oleh demikian, cadangan untuk memindanya kepada hukuman yang lebih ringan adalah tidak relevan.

5.3.6 Sentiasa Mengemaskini Undang-undang Akta Dadah Berbahaya 1952

Walau bagaimanapun, adalah penting untuk mengakui bahawa Akta Dadah Berbahaya 1952 perlu diubah suai untuk memenuhi keperluan moden. Bagi memenuhi keperluan semasa, undang-undang ini perlu dipinda [15] dan diperkemaskan untuk memenuhi keadaan semasa yang berkaitan dengan peredaran dadah yang semakin kompleks dan berkembang pesat. Contohnya dengan memasukkan penemuan jenis dadah baharu. Tanpa penyesuaian yang diperlukan, undang-undang ini mungkin tidak relevan dan tidak dapat mencapai matlamat pencegahan dan pembanterasan dadah dengan cekap. Bagi memastikan undang-undang yang dipinda adalah selaras dengan peraturan, kajian menyeluruh dan perbincangan perlu dijalankan dengan pakar undang-undang, agensi penguatkuasa, dan pihak berkepentingan.

5.3.7 Tindakan pencegahan yang menyasarkan keseluruhan rangkaian sindiket penyeludupan

Selain itu, dalam usaha untuk menghentikan penyeludupan dadah yang berterusan, langkah terbaik pihak berkuasa ialah dengan melaksanakan tindakan pencegahan yang menyasarkan keseluruhan rangkaian sindiket penyeludupan. Operasi ini dijalankan secara berterusan tanpa memberi kelonggaran kepada pesalah untuk mengurangkan kesan sindiket. Sindiket penyeludupan dadah dikenal pasti dan dipantau secara berterusan. Ini memerlukan pengumpulan maklumat dan maklumat berterusan tentang bagaimana dan di mana sindiket ini bergerak. Kemudian, tindakan pencegahan dilaksanakan dengan menangkap ahli sindiket dan mengesahkan bahawa terdapat bukti yang mencukupi untuk menuduh mereka di mahkamah. Pihak berkuasa mengambil tindakan tegas terhadap individu yang melakukan kesalahan ini dengan menangkap pengedar dadah, kurir dan ahli sindiket yang terlibat.

5.3.8 Menyita Segala Peralatan Dan Sumber Daya

Segala peralatan dan sumber daya yang digunakan dalam operasi mereka mesti disita. Menyita sumber daya dan peralatan yang digunakan oleh sindiket juga penting. Ini termasuk menyita dadah, wang haram, kenderaan, peralatan komunikasi, dan aset-aset lain yang berkaitan. Sindiket akan kehilangan bekalan dan sumber untuk beroperasi jika mereka menyita sumber ini.

5.3.9 Operasi dijalankan secara berterusan

Operasi ini perlu dijalankan secara berterusan tanpa memberi peluang kepada pesalah untuk berehat. Ini disebabkan oleh fakta bahawa sindiket penyeludupan dadah sangat dinamik dan boleh mengubah strategi mereka dengan cepat. Sindiket akan mengalami tekanan yang berterusan dan akan berkurangan secara beransur-ansur sebagai hasil daripada tindakan yang berterusan. Dalam jangka masa panjang, ini adalah strategi yang berkesan untuk memerangi penyeludupan dadah.

3.3.10 Operasi Dirancang dan Disusun Mengikut Maklumat Yang Kukuh

Maklumat risikan atau intelligent yang kukuh digunakan untuk menyokong setiap operasi risikan. Tanpa sumber maklumat yang tepat dan berkualiti, prestasi operasi akan berkurangan. Sebagai contoh, pelaksanaan OPS TAPIS pada 20 Jun 2009 menunjukkan operasi risikan yang berjaya. Sebelum operasi bermula, setiap ketua siasatan narkotik negeri telah mengenal pasti setiap ketua sindiket atau 'tokan'. Ini bermakna bahawa operasi tersebut telah dirancang dan disusun mengikut maklumat yang kukuh berkaitan dengan ketua sindiket yang menjadi sasaran.

3.3.11 Pengawalan (control), Tahanan (custody), dan Pengetahuan

Setiap penyelidikan juga mesti mempunyai tiga komponen penting iaitu pengawalan, tahanan, dan pengetahuan. Kemampuan untuk mengawasi dan mengelola keseluruhan operasi dikenali sebagai pengawalan. Bagi memastikan keberkesanan dan keselamatan operasi, ia memerlukan penggunaan sumber dan strategi yang berkesan. Elemen tahanan, juga dikenali sebagai custody, ialah proses menahan orang yang disyaki terlibat dalam kesalahan dadah. Ini termasuk melakukan penahanan, menjalankan penyiasatan, dan mendedahkan bukti yang diperlukan untuk mendakwa seseorang di mahkamah. Ia adalah peringkat penting dalam usaha untuk melaksanakan undang-undang dadah.

Elemen pengetahuan melibatkan pemahaman yang mendalam tentang keseluruhan operasi, termasuk maklumat tentang intelligent dan pengetahuan tentang ketua dan ahli sindiket yang dimaksudkan. Ia membolehkan kakitangan bertindak dengan bijak dan berdasarkan fakta semasa menjalankan operasi. Pihak berkuasa boleh memastikan operasi risikan berjalan dengan cemerlang dan berkesan dengan menggabungkan ketiga-tiga komponen ini. Operasi seperti OPS TAPIS adalah contoh kejayaan perancangan dan maklumat risikan yang teliti dalam memerangi kesalahan dadah dan sindiket yang terlibat.

3.3.12 Pengawasan Dan Pembersihan Jalan Laut Dan Laluan Tikus

Pengawasan dan pembersihan jalan laut dan laluan tikus juga merupakan salah satu strategi penting. Ini disebabkan oleh fakta bahawa penggunaan pelbagai laluan kemasukan dadah telah menjadi kebiasaan dalam aktiviti penyeludupan dadah. Dalam keadaan ini, tindakan untuk menghentikan kaedah ini adalah penting untuk mengurangkan bekalan dadah di Malaysia. Langkah pertama dalam proses ini adalah untuk mengenal pasti semua jalan laut dan laluan tikus yang digunakan oleh penyeludup dadah untuk menyeludup dadah ke dalam negara. Ini boleh termasuk meninjau dan menganalisis data risikan mengenai pergerakan dadah, peranan pelabuhan dan kawasan perbatasan, dan pengetahuan tentang taktik dan strategi yang digunakan oleh penyeludup dadah.

Tindakan untuk menyekat dan memadamkan laluan ini perlu dilakukan segera sebaik sahaja mereka dikenal pasti. Ini memerlukan kerjasama erat dengan Jabatan Kastam Malaysia, Tentera Malaysia, dan Polis Diraja Malaysia. Kawasan perbatasan dan pelabuhan yang penting memerlukan pemeriksaan dan pengawasan yang lebih ketat untuk mengesan dan menghalang masuknya dadah ke dalam negara. Tambahan pula, usaha ini bergantung pada kerjasama antarabangsa. Malaysia perlu bekerjasama dengan negara jiran untuk mengawasi laluan yang terdedah kepada kepada penyeludupan dadah melalui sempadan. Ini termasuk berkongsi maklumat, melaksanakan operasi bersama, dan merancang tindakan pencegahan.

Dengan menghapuskan laluan masuk dadah, bekalan dadah dalam negara berkurangan, dan ketersediaan dadah di pasaran tempatan akan berkurangan. Ini merupakan kemajuan besar dalam memerangi gejala yang berkaitan dengan penggunaan dadah di Malaysia. Di samping itu, membina networking yang kuat sesama negara juga penting untuk mencegah penyeludupan dadah di Malaysia. Pihak berkuasa dapat mengenalpasti setiap barang yang hendak dibawa masuk sebelum mendarat di Malaysia dengan adanya maklumat atau info yang diberikan oleh negara-negara yang lain.

6. Kesimpulan

Penyalahgunaan dadah oleh warga asing, terutamanya syabu, merupakan ancaman besar kepada keselamatan Malaysia. Jumlah penagih dadah dan kadar jenayah telah meningkat sebagai akibat daripada aktiviti

penyeludupan dadah ini. Struktur ekonomi dan politik dipengaruhi oleh sempadan dan sistem percuakan negara yang berkembang. Ancaman ini meningkat selepas perang dingin dan melibatkan sindiket asing yang menggunakan Malaysia sebagai tempat transit. Kerana Malaysia terletak berdekatan dengan kawasan segi tiga emas Thailand [7], terdapat bekalan dadah yang tidak terhad. Tambahan pula, penyeludupan dadah berlaku terutamanya di sempadan negeri utara. Pihak berkuasa perlu terus meningkatkan pengetahuan mereka dan memahami taktik-taktik yang akan digunakan oleh penyeludup dadah dari masa ke masa. Penyeludup dadah sering menggunakan strategi dan teknik baharu untuk mengelakkan penangkapan serta mengedarkan dadah dengan sangat terancang. Oleh itu, pihak berkuasa perlu selalu mengikuti perkembangan dalam penyeludupan dadah, seperti kaedah baru, teknologi yang digunakan, dan laluan-laluan penyeludupan yang baru. Dengan memahami taktik yang digunakan oleh penyeludup dadah, pihak berkuasa dapat merancang strategi penegakan undang-undang yang lebih efektif [15] dan mengurangkan penyeludupan dadah dengan lebih berjaya. Masyarakat juga perlu sama-sama membantu pihak berkuasa dalam menyampaikan maklumat atau aduan selain memperkasakan institusi kekeluargaan dan pendidikan demi menjaga keselamatan masyarakat dan negara.

Penghargaan

Setinggi penghargaan kepada Muhammad Arif Irfan Mohd Zaidi, Mohd Khairul Nizam Jumiati, Muhamad Hafizuddin Ramlan, Muhammad Afif Irfan Mohd Zaidi, Mohamad Zikry Zubair Rudy dan Ruvinder Raj Raviselwen yang turut membantu menjayakan penulisan ini.

Rujukan

- [1] Laman Web Rasmi Agensi Antidadah Kebangsaan Kementerian Dalam Negeri (2022). Buku Maklumat Dadah 2022. Diakses pada 30 Oktober 2023. <https://www.adk.gov.my/buku-maklumat-dadah-2022/>
- [2] AADK, A.A. (1999). Laporan Dadah Malaysia. Kuala Lumpur: Agensi Anti Dadah Kebangsaan
- [3] Haslee Sharil Lim Abdullah, Siti Nubailah Mohd Yusof, Farhana Saberi, Lau Poh Li, Nor Azri Ahmad, Sallina Mansur, Nur Faizah Abdul Kahar (2021). Kajian Penilaian Keberkesanan Program Perangi Dadah (PDH) Habis-Habisan 2017-2018. Malaysia Anti-Drugs Journal. Jilid 13, No. 1, Jun 2021
- [4] Facebook Rasmi Polis DiRaja Malaysia (2017). Akibat Mudah Didapati, Syabu dan Heroin 'Hot Item' Penagih Dadah. Siaran bertarikh 16 Jun 2017. Diakses pada 30 Oktober 2023. <https://www.facebook.com/photo/?fbid=1569259003084401&set=a.705470699463240>
- [5] Facebook Rasmi Polis DiRaja Malaysia (2019). Penagih Syabu, Heroin Paling Ramai. Siaran bertarikh 27 Jun 2019. Diakses pada 30 Oktober 2023 <https://www.facebook.com/pdrmsiaofficial/photos/a.710790042264639/2529012080442417/?type=3>
- [6] Bernama (2015). Penggunaan dadah sintetik dalam kalangan remaja membimbangkan: AADK. BH Online bertarikh 16 Ogos 2015. Diakses pada 30 Oktober 2023. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2015/08/75157/penggunaan-dadah-sintetik-dalam-kalangan-remaja-membimbangkan-aadk>
- [7] Amer Fawwaz Mohamad Yasid (2022). Penyeludupan Dadah Dari Kawasan Segi Tiga Emas Thailand Serta Kesan Terhadap Keselamatan Ekonomi Malaysia. Zulfaqar Journal of Defence Management, Social Science & Humanities, Vol. 5 No. 1 (2022). Retrieved from <https://zulfaqarjdmssh.upnm.edu.my/index.php/zjdmssh/article/view/106>
- [8] Molland, Sverre (2014). An Atlas of Trafficking in Southeast Asia: The Illegal Trade in Arms, Drugs, People, Counterfeit Goods and Natural Resources in Mainland Southeast Asia. Scholarly Journal. Southeast Asian Studies; Kyoto Vol. 3, ISS. 2, (Aug2014): 444-447 Taurus.
- [9] Hamida Ambo , Saifulazry Mokhtar, Kasoma Thia (2022). Penyalahgunaan Dadah Jenis Syabu Dalam Kalangan Masyarakat Islam Di Sandakan, Sabah: Faktor Dan Langkah Mengatasinya. International Journal Of Law, Government And Communication (IJLGC). Volume 7 Issue 28 (June 2022) Pp. 281-295 DOI 10.35631/Ijlgc.728022
- [10] Amer Fawwaz Mohamad Yasid, Noraini Zulkifli, Sofian Kamarudin (2021). Penyeludupan Dadah Dari Kawasan Segi Tiga Emas Thailand Serta Kesan Terhadap Keselamatan Sosial Negara Malaysia. Jurnal Dunia Pengurusan, Vol 3 No 3 (2021): Sep 2021, p. 41-54, ISSN 2682-8251
- [11] Fazey C (2007) International Policy On Illicit Drug Trafficking: The Formal And Informal Mechanisms. Journal of Drug Issues 37 (4), 755-780.
- [12] Zarina Othman, Nor Azizan Idris, Mohamad Daud Druis (2015). Penyalahgunaan Dadah Sebagai Ancaman Keselamatan: Analisis Keberkesanan Program Kerajaan Dalam Mengkekang Pengkreutan Penagih Dadah di Malaysia. Geografia Online. Malaysian Journal of Society and Space, 11 issue 13, 60-71. ISSN 2180-2491

- [13] Sabir Abdul Ghani, Fadzli Adam, Muhammad Rashidi Wahab (2014). Penilaian Penyalahgunaan Dadah Menurut Fatwa Ulama Dari Perspektif Islam. *Journal of Business and Social Development Volume 2 Number 1, March 2014: 57-62.* ISSN: 2289-2915
- [14] Amin Al Haadi Shafie, Nurhafizah Mohamad Yasin, Abdul Rashid Abdul Aziz, Amer Fawwaz Mohamad Yasid dan Ahmad Yunus (2022). Kekal Pulih, Faktor Risiko Dan Faktor Perlindung Dalam Kalangan Bekas Pesakit Penyakit Penyalahgunaan Dadah. *International Journal of Social Science Research (IJSSR) eISSN: 2710-6276*
- [15] Laporan Tahunan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang 2022 Jabatan Perdana Menteri. Pelaksanaan Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori. Pg 47. <https://www.bheuu.gov.my/pdf/Penerbitan/laporantahunanbheuu/LAPORAN%20TAHUNAN%202022.pdf>
- [16] Cornell, S. E. 'Drug Smuggling in Central Eurasia' dalam Thachuk, K.L. 2007. *Transnational Threats: Smuggling and Trafficking in Arms, Drugs, and Human Life.* New York: Praeger Security International.
- [17] Global Report on Cocaine 2023. United Nations Office On Drugs and Crime. UNODC Research. Diakses pada 30 Oktober 2023. https://www.unodc.org/documents/data-and-analysis/cocaine/Global_cocaine_report_2023.pdf
- [18] World Drug Report 2010. United Nations Office On Drugs and Crime. UNODC Research. Diakses pada 31 Oktober 2023. https://www.unodc.org/documents/wdr/WDR_2010/2.0_Drug_statistics_and_Trends.pdf
- [19] Hermawan, I. 2019. Metodologi Penelitian Pendidikan Kuantitatif, Kualitatif dan Mixer Method. *Hidayatul Quran, Kuningan.*
- [20] Media Digital :-
- [21] Polis Diraja Malaysia (Royal Malaysia Police) (2020). [Video Pilihan] Temubual Bicara Dadah: Asiseno Despacito. Facebook bertarikh 24 Januari 2020. Diakses pada 26 Oktober 2023. Link: <https://www.facebook.com/pdrmsiaofficial/videos/video-pilihan-temubual-bicara-dadah-asiseno-despacito/2564772347177247/>
- [22] MalaysiaGazzetteTV(2022). EKSKLUSIF Owh!MG | Bahagian 1: Untung Berbilllion... Hati dan Mata Jadi Gelap Dek Dadah, Youtube bertarikh 10 Jun, 2022. Diakses pada 27 Oktober 2023. Link: <https://www.youtube.com/watch?v=cQDnorHBMis>
- [23] MalaysiaGazzetteTV(2022). EKSKLUSIF Owh!MG | Bahagian 3: Masyarakat Kena Faham, Jangan Asyik-Asyik Salahkan Polis!, Youtube bertarikh 15 Jun, 2022. Diakses pada 27 Oktober 2023. Link: https://www.youtube.com/watch?v=d_8nzTKwWcE